

12/10/2000

Manipulasi harga padam rahmat Allah

Maarop Md Noh

TINDAKAN sesetengah peniaga mengambil kesempatan daripada kenaikan harga petrol dengan menaikkan harga barang keperluan ternyata mengkhianati kontrak sosial mereka dengan pengguna dan jika ia dilakukan oleh peniaga Islam, jelaslah mereka mengundang kemurkaan Allah dan Rasul-Nya.

Minggu lalu, kerajaan mengumumkan kenaikan harga petrol sebanyak 10 sen seliter. Kenaikan itu dilakukan untuk mengurangkan beban kerajaan yang terpaksa membayar subsidi hampir RM3 bilion setiap tahun kepada pengusaha minyak di negara ini. Tindakan itu dilakukan berikutan kenaikan kerana harga minyak mentah dunia.

Dengan kenaikan 10 sen seliter itu, kerajaan berharap dapat mengumpul hasil cukai minyak sebanyak RM1 bilion setahun, sekali gus ia dapat mengurangkan beban subsidi dan dapat pula meningkatkan pembangunan negara.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika mengulas kenaikan itu, berkata: "Kenaikan 10 sen seliter tidak membebankan. Ini kerana kenaikan itu terlalu kecil dan tidak akan menyentuh perbelanjaan pengeluaran atau kos pembuatan."

Menurut Perdana Menteri, jika diperinci secara jujur, kenaikan itu tidak sampai 0.5 peratus. Ini bererti ia terlalu kecil.

Malah, jika dilihat dari sudut kontrak sosial, kenaikan itu akan memperkuat silaturahim. Tindakan itu penting kerana peniaga memikul amanah melebarkan rahmat Allah kepada pelanggan.

Tanpa peniaga, pelanggan tidak akan mendapat barang keperluan harian mereka. Begitu juga tanpa pelanggan, peniaga akan rugi kerana gagal menjual barangan dagangan mereka.

Lebih telus lagi, kedua-dua golongan itu saling memerlukan. Kedua-dua pihak terikat dalam apa yang diistilahkan oleh ahli sains sosial sebagai kontrak sosial (lihat Rousseau dalam Social Contract).

Dalam hubungan ini, peniaga dan pengguna perlu bekerjasama dan mengelakkan diri daripada saling menganiaya. Bagaimanapun, sebaik harga minyak dinaikkan 10 sen minggu lalu, peniaga menterbalikkan konsep untung bersama dan menang bersama (win-win situation and profit sharing) dengan menjadikan pengguna sebagai alat untuk memperkaya diri.

Islam menggalakkan berniaga tetapi mengutuk usaha memperkaya diri dengan mengaut keuntungan secara memeras orang lain.

Berpuluh-puluh hadis dan ayat al-Quran menjelaskan kebaikan berniaga dan melarang penganiayaan.

Dalam pengurusan perniagaan yang dianjurkan Islam, seseorang peniaga mesti jujur dan ikhlas. Ini penting kerana kejujuran dan keikhlasan akan mendekatkan diri kepada keredaaan Allah.

Firman Allah bermaksud: "...Dan yang lain berjalan di permukaan bumi untuk mencari anugerah Allah, sedang yang lain pula berperang di jalan Allah." (Surah Muzammil: 20)

Dalam ayat lain, Allah berfirman, maksudnya: "Tidak ada dosa bagimu untuk mencari kurnia daripada Tuhanmu." (al-Baqarah: 198)

Perniagaan dalam Islam mesti dijalankan secara telus dan hanya menerusi ketelusan, penganiayaan dapat dielakkan. Dilihat dari sudut keadilan, pengharaman riba dalam Islam adalah untuk mengelakkan penganiayaan dan penzaliman.

Berniaga dengan jujur menyemaikan perasaan kasih sayang tetapi apabila dilakukan untuk menindas, ia bertukar menjadi zalim dan Islam menghukumnya sebagai haram serta berdosa.

Firman Allah bermaksud: "Mereka yang makan (mengambil) riba tidak dapat berdiri melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk syaitan lantaran (tekanan) penyakit gila.

Keadaan mereka yang demikian itu adalah kerana mereka berkata (berpendapat), sesungguhnya jual-beli (berniaga) itu sama dengan riba, padahal Allah menghalalkan jual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba; Orang yang sampai kepadanya larangan daripada Tuhan-Nya, lalu terus berhenti (daripada mengamalkan riba), maka baginya apa yang telah diambilnya dulu (sebelum larangan) dan urusanya (terserah) kepada Allah. Orang yang mengulangi (mengambil riba) maka orang itu adalah menjadi penghuni neraka, maka mereka kekal di dalamnya.

"Allah memudahkan riba dan menyuburkan sedekah. Dan Allah tidak menyukai orang yang tetap dalam kekafiran dan selalu membuat dosa." (Al-Baqarah: 275-276) (see CORRECTION above)

Dalam ayat lain, Allah berfirman: "Wahai orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dan tinggalkan sisa riba (yang belum dipungut) jika kamu benar orang yang beriman." (Al-Baqarah: 278)

Hikmah Allah menasihatkan orang beriman (Islam) supaya menjauhkan daripada riba bertujuan mengekalkan kemuliaan penciptaan mereka di bumi. Manusia dicipta di atas kasih dan rahmat Allah, kerana itu manusia dikatakan 'sebaik-baik kejadian.' (Rujuk Surah at-Tiin: 4)

Manusia tidak dicipta untuk menzalimi sesuatu, khususnya sesama manusia. Firman Allah dalam Surah Ali-Imran, ayat 130 bermaksud: "Wahai orang yang beriman, janganlah kamu memakan riba berlipat ganda, bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh keuntungan."

Riba adalah manifestasi penganiayaan dan kezaliman dalam perniagaan. Dalam perincian masalah riba, kita menemui ia bukan tertentu kepada pinjaman yang menggunakan bunga saja, malah apa juga jenis perniagaan yang boleh menyebabkan keuntungan berlipat ganda boleh didefinisikan sebagai riba.

Ini termasuk mereka yang mengambil harta atau memakan harta orang lain secara haram.

Firman Allah bermaksud: "Dan disebabkan mereka (Yahudi) memakan riba, sesungguhnya mereka dilarang berbuat demikian, dan mereka memakan harta orang secara tidak sah. Kami sediakan untuk orang kafir itu seksa yang maha pedih." (An-Nisa: 161)

Jika kita halusi Surah al-Baqarah ayat 275, 276 dan 278, jelaslah antara yang ditegah ialah mengambil harta orang lain secara tidak halal. Walaupun ayat ini tidak menjelaskan mengambil harta haram itu adalah riba, ulama mentafsirkan ayat ini adalah termasuk mengambil keuntungan berlebihan. Keuntungan berlebihan itu boleh diistilahkan sebagai riba.

Antara ulama moden yang berpendapat demikian ialah Dr Yusof al-Qaradhawi, al-Maududi, Ismail Faruqi dan ramai lagi. Dr Yusof al-Qaradhawi (1980) menjelaskan umat Islam dianjurkan bekerja dengan ikhlas dan jujur.

Mereka hendaklah mencari anugerah Allah dalam apa juga usaha, termasuk berniaga dengan telus dan tidak mengambil keuntungan berlebihan.

Dr Yusof al-Qaradhawi memetik hadis Hakim dan Tirmizi sebagai dalil memperkukuh pendapatnya. Hadis itu berbunyi: "Peniaga yang jujur akan bersama nabi-nabi, as-siddiqin dan golongan mati syahid." (Hadis Hakim dan Tirmizi)

Pandangan al-Qaradhawi ini menjelaskan lagi maksud ayat 275 Surah al-Baqarah yang kita huraikan di atas.

Oleh kerana Islam mengutuk penganiayaan, secara automatik peniaga Islam yang menaikkan harga barangan secara mendadak dengan tidak mengambil kira kepentingan pengguna adalah perbuatan jenayah syariah.

Perniagaan mereka tidak akan berkat. Lebih keji lagi apabila perbuatan menaikkan harga barangan itu dilakukan ketika berlakunya pergerakan

kenaikan harga bahan bakar penting penggerak ekonomi negara - minyak. Dikhuatiri mereka termasuk ke dalam golongan mengkhianati amanah Allah dan negara.

Umat Islam diberi jaminan harta kekayaan yang dihasilkan daripada perniagaan yang jujur diberkati Allah.

Sebuah hadis Rasulullah bermaksud: "Allah mengasihi orang yang bermurah hati ketika berjual-beli dan ketika menagih (hutang)." (Sahih Bukhari, hadis ke-1020). Begitu juga hadis bermaksud: "Mereka yang melakukan sumpah bohong dalam perniagaan tidak akan mendapat keberkatan." (Bukhari, hadis 1028)

Dalam Sahih Muslim pula, kita menemui hadis berikut: "Daripada Abu Hurairah, katanya: Rasulullah melarang umat Islam melakukan perbuatan berikut:

- * Memborong semua barangan jualan dengan tujuan pemonopolian;
- * Memborong terus dari dusun dengan tujuan mengaut keuntungan besar;
- * Wanita yang bermadu mendesak suaminya supaya menceraikan madunya;
- * Memborong dengan harga lebih tinggi daripada harga pasaran;
- * Mengikat susu ternakan yang akan dijual dengan tujuan mengumpul susu itu supaya ia nampak besar dan banyak; dan
- * Membuat tawaran kepada barangan yang sudah dibeli atau ditawarkan harganya oleh orang lain dengan tujuan menyekat. (Sahih Muslim, hadis ke-1,463)

Hadis di atas menjelaskan memborong atau menjual barangan melebihi harga pasaran adalah ditegah. Ertinya Islam menegah penjual, pemborong atau peruncit menaikkan harga jualan mereka sesuka hati.

Perbuatan ini termasuk ke dalam tindakan menzalimi pembeli. Rasulullah mengingatkan umatnya supaya tidak berlaku zalim kerana doa mereka yang dizalimi dimakbulkan Allah secara serta-merta.

Di dalam al-Quran dijelaskan peraturan perniagaan yang telus. Misalnya, seseorang peniaga tidak boleh menindas pembeli, malah tidak boleh menyaingi rakan seperniagaan.

Islam sebagai agama kasih sayang, menawarkan bentuk perniagaan sama berjaya dan berkongsi keuntungan.

Ringkasnya, Islam memang menggalakkan perniagaan yang jujur dan melarang peniaga memanipulasi pasaran dan keadaan untuk memperkaya diri sendiri. Mereka yang melakukannya memadam rahmat Allah dalam kehidupan mereka.

(END)